




# SULTAN PAHANG MELAWAT KE KAMPUNG-KAMPUNG




*Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di dalam lawatan baginda selama dua belas hari di daerah Temerloh baharu-baharu ini, telah juga melawat ke sekolah Arab “Sharikat al-Karyān” di Temerloh. Gambar menunjukkan baginda sedang berjabat tangan dengan ahli-ahli jawatankuasa sekolah tersebut.*



*11 daripada 17 buah mukim di jajahan Pekan Pahang yang mempunyai penduduk-penduduk 30,000 orang, telah diisytiharkan sebagai kawasan bersih oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada pertengahan bulan April yang lalu. Inilah kawasan bersih yang pertama di Pahang.*



*Roslan Abdul Ghani Secretary General Kementerian Penerangan Republik Indonesia sedang menandatangani surat penyerahan jawatan kepada Harjoto Secretary General yang baharu. Di tengah-tengah ialah Dr. Lombang Tubeng Menteri Penerangan yang menyaksikan upacara itu.*




*Ketua-ketua pegawai cukai dan kastam dari seluruh Indonesia yang mengambil bahagian di dalam Persidangan Pegawai-pegawai Cukai dan Kastam Indonesia sedang bergambar dengan President Soekarno di Istana Merdeka.*

*Dato' Sir Om bin Ja'afar Pengurus RIDA telah melawat Sekolah Urusan Rumahtangga "Asuhan Wanita" yang dianjurkan oleh RIDA di Kuala Pilah baharu-baharu ini.*

*Dalam gambar ini kelihatan beliau bersama ketua sekolah itu, Che' Siti Anuar (nombor 2 dari kiri) dan tiga lagi pegawai wanita sekolah itu. Berdiri di belakang ialah Pegawai Daerah Kuala Pilah, Tuan Chiefman (kiri) dan Pegawai RIDA Negeri Sembilan Tuan Micken.*



*General Sir Gerald Templer kelihatan sedang memegang hujung topi (potongan Amerika) di kepada Zainal bin Nordin berumur delapan tahun selepas melakukan pemeriksaan pasukan-pasukan keselamatan sebagai lawatan "Selamat Tinggal" kepada negeri Melaka pada 23 April yang lalu. Gambar ini diambil ketika beliau berjalan di tepi barisan kanak-kanak Sekolah Disiplin Melaka.*



*Dalam masa pasukan-pasukan Polis, Homeguard, Pengakap-pengakap, Girl Guide memberi selamat peperiksaan kepada General Sir Gerald Templer mengadakan barisan di Melaka pada 23 April yang lalu, Lady Templer telah turut bersama.*

*Dalam gambar ini kelihatan Lady Templer sedang bercakap-cakap dengan Zahrah binti Umar berumur enam tahun yang turut dalam barisan kanak-kanak sekolah pada hari itu.*



*Perdana Menteri Mesir, First Colonel Jamal Abdul Nasir kelihatan sedang berjabat tangan dengan President General Muhammad Najib pada ketika Perdana Menteri Jamal melawat President Najib yang sedang uzur selepas ia jatuh pitam di pengkalan kapal terbang waktu menghantar al-Mālik Sa'ud Raja Saudi Arabia – Gambar A.P.*



*Queen Elizabeth dan Duke of Edinburgh sedang bercakap dengan rombongan Gugusan Pulau-pulau Maldives yang terletak di dalam lautan India. 300 batu dari Ceylon, yang diketuai oleh Perdana Menteri Ibrahim Di Di.*